

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 8 MAC 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 2

## Garis kemiskinan negara jangka dipinda 2023

# Garis kemiskinan negara jangka dipinda 2023

**Kuala Lumpur:** Garis kemiskinan negara sedang disemak semula dan jangka dipinda pada awal tahun depan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata semakan itu dilaksanakan Jabatan

Perangkaan melalui Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2022.

Katanya, 92,800 isi rumah terabit sebagai sampel kajian yang dijangka diumumkan pada suku pertama 2023.

"Hasil kajian itu membolehkan

kerajaan mengenal pasti kedudukan sosioekonomi dan jurang pembangunan, seterusnya menjadi input bagi pengubalan dasar, strategi dan inisiatif bagi meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

"Buat masa ini, kadar garis kemiskinan pada peringkat nasional bagi satu keluarga ialah RM2,208, manakala bagi miskin tegar sebanyak RM1,169," katanya menjawab soalan lisan Tan Kok Wai (PH-Cheras) mengenai pencapaian dan kegagalan program membasmi kemiskinan rakyat, di Dewan Rakyat.

Mustapa berkata, kadar kemiskinan negara menurun dengan ketara berbanding lima dekad lalu, iaitu kadar kemiskinan mutlak peringkat nasional turun daripada 49.3 peratus pada tahun 1970 kepada 5.6 peratus pada tahun 2019.

Namun, katanya, penularan COVID-19 memberi impak besar kepada pendapatan isi rumah dan menyebabkan kadar kemiskinan meningkat kepada 8.4 pe-

ratus pada tahun 2020.

"Pekali Gini juga dianggarkan meningkat daripada 0.407 kepada 0.411. Penularan COVID-19 beri impak yang besar kepada pendapatan isi rumah 8.4 peratus," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, berdasarkan perbezaan dalam lima dekad juga mendapati kadar kemiskinan di bandar menurun daripada 21.3 peratus kepada 3.8 peratus dan kadar kemiskinan di luar bandar menurun daripada 58.7 peratus kepada 12.4 peratus.

"Di samping itu, Pekali Gini berjaya dikurangkan daripada 0.513 kepada 0.407 dalam tempoh sama.

"Nilai Pekali Gini berada antara 0 dan 1, iaitu 0 menunjukkan agihan pendapatan yang saksama, manakala nilai 1 menunjukkan agihan pendapatan yang paling tidak saksama," katanya.

Menjawab soalan tambah Kok Wai mengenai kumpulan miskin tegar membabitkan wanita, katanya, kerajaan akan melaksanakan program menghapuskan

miskin tegar bandar membabitkan ketua isi rumah wanita mulai April ini di beberapa Projek Perumahan Rakyat (PPR) di ibu negara.

Katanya, sebagai permulaan program itu dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) serta universiti tempatan.

"Kita memilih PPR kerana dapat ada ramai yang didiami penduduk ketua isi rumah mereka ialah wanita.

"Program ini menggunakan pendekatan yang khusus dan holistik, kerjasama banyak pihak selaras dengan sasaran kita untuk menghapuskan miskin tegar menjelang 2025," katanya.

Menjawab soalan Datuk Seri Azizah Mohd Dun (PN-Beaufort), mengenai jurang kemiskinan Semenanjung dan Sabah dan Sarawak, katanya, kerajaan komited merapatkan jurang itu dan sudah ada beberapa perundingan mengenai dilaksanakannya.

Katanya, untuk itu 10 kawasan masing-masing di Sabah dan Sarawak dipilih dalam projek rintis menangani miskin tegar ini.



Mustapa Mohamed